

Buletin

POLITEKNIK MELAKA

FOOD BANK
Politeknik Melaka

MELAKA, MALAYSIA

8 MARCH 2020

POLITEKNIK
MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA

PMICC

INTERNATIONAL CHESS CARNIVAL
2020



PMICC
Politeknik Malaysia
International
Chess Carnival

OPS
HANTAR
PULANG

Perutusan Pengarah



Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, saya diberikan peluang sekali lagi untuk merakamkan kata alu-aluan dalam Buletin Politeknik Melaka (PMK) edisi Jan-Jun sebelum saya menamatkan perkhidmatan sebagai penjawat awam dan pengarah PMK secara rasminya pada tahun ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Sidang Redaksi Politeknik Melaka atas kejayaan menerbitkan Buletin Politeknik Melaka edisi Jan-Jun 2020. Bagi pihak pengurusan Politeknik Melaka, segala usaha dan sumbangan dalam penerbitan buletin ini amatlah dihargai dan disanjung tinggi. Penerbitan sesebuah buletin bukanlah suatu usaha yang mudah malah mengambil masa yang panjang melalui kesungguhan yang mendalam serta memerlukan pelbagai aspek kemahiran. Buletin Politeknik Melaka merupakan satu dokumentasi penting yang memaparkan segala aktiviti serta pencapaian yang telah dicapai oleh warga Politeknik Melaka. Bagi warga PMK butiran dan gambar yang dimuatkan bakal menjadi kenangan indah. Walaupun kita berada di zaman teknologi yang semakin canggih dan segala maklumat mudah didapati diujung jari, namun buletin PMK tetap kekal relevan dan menjadi dokumen rasmi dalam merekodkan segala pengalaman serta pencapaian warga PMK untuk dijadikan sumber rujukan pada masa akan datang. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada jawatankuasa sidang redaksi buletin Politeknik Melaka. Saya mengharapkan segala pengalaman, kesungguhan dan semangat kerjasama yang telah lama terbina di PMK ini bukan sahaja terpahat di dalam buletin ini malah ianya akan terus subur dan menjadi pemangkin kepada kejayaan PMK yang lebih cemerlang pada masa kan datang

CHARIM BIN IBRAHIM @ BERAHIM
Pengarah
Politeknik Melaka

Tinta Ketua Editor



Assalamualaikum w.b.t dan Selamat sejahtera, Alhamdulillah, syukur dengan izin-Nya dapat juga Buletin PMK edisi Jan - Jun 2020 diterbitkan. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua yang telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk memegang jawatan sebagai Ketua Editor pada kali ini. Ucapan terima kasih ini juga buat semua rakan-rakan sidang redaksi yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam menghasilkan Buletin PMK edisi Jun-Disember 2020. Peluang untuk menjadi sebahagian daripada ahli sidang redaksi Politeknik Melaka pada kali ini memberi ruang kepada saya serta sidang redaksi lain menambah ilmu pengetahuan serta mempelajari pelbagai perkara serta bertukar pandangan terutamanya hal-hal yang berkaitan dengan penerbitan e-buletin. Pengalaman yang diperoleh ini merupakan pengalaman berharga dan akan dijadikan sebagai kenangan serta rujukan pada masa akan datang.

Penerbitan Buletin PMK edisi Jun-Disember 2020 pada kali ini dilihat lebih menarik kerana mempamerkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sama ada dijalankan di dalam dan di luar politeknik. Walaupun dalam situasi negara menghadapi Pdamik Covid-19, segala detik indah serta suka dan duka yang diharungi oleh warga Politeknik Melaka telah dilakarkan dalam bulletin ini. Akhir kata, saya bagi pihak sidang redaksi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menerbitkan Buletin PMK edisi Jun- Disember 2020. Sekian, terima kasih

Zawati binti Zakaria
Pengerusi
Buletin Politeknik Melaka

Jawatankuasa **Media & Penerbitan**

Penasihat : *Sr. Hj. Razali bin Johari*

Pengerusi : *Zawati binti Zakaria*

Timbalan Pengerusi : *Maheran binti Mohamed Ayub*

Setiausaha : *Norrushidi bin Karim*

Penolong Setiausaha : *Noraimah @ Dayang binti Nurdin*

Sidang Editor : *Hazira binti Saleh
Nurul-Fateha binti Md Sandollah
Muhammad Subhi bin Ismail
Abd Halim bin Mahat*

Multimedia & Sumber : *Mohamed Jayha bin Mohamed Nor*

Pereka : *Nurhasyimah binti Abdullah*

Jurufoto : *Mohd Rimee bin Ismail*

Penyelaras Teknikal : *Haidar Nur Rifhan binti Basir
Maszlina binti Samsudin
Mohd Yusrin bin Sarip*

Diterbitkan Oleh : *JK Media & Penerbitan
Politeknik Melaka
No 2, Jalan PPM 10, Plaza Pandan Malim,
75250 Melaka.*

Talian Am : 06.337 6000

Faksimili : 06.337 6007

Web : <https://polimelaka.mypolycc.edu.my/>



PENGARAH
CHARIM BIN IBRAHIM @ BERAHIM
PPPT DH54

SETIAUSAHA PEJABAT
FATIMAH ARAFFAH BINTI AMAN
N22

PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM
NURUL- FATEHA BINTI MD. SANDOLLAH
S41



TIMBALAN PENGARAH
MOHD AZAMRI BIN KANDARI
PPPT DH48

KETUA
JABATAN KEJURUTERAAN
AWAM
ANUAR BIN ISMAIL
PPPT DH48

KETUA
JABATAN KEJURUTERAAN
ELEKTRIK
ZAIDI BIN ZAMZURI
PPPT DH48

KETUA
JABATAN KEJURUTERAAN
MEKANIKAL
HISHAMUDDIN SHAH BIN IBRAHIM
PPPT DH48

KETUA
JABATAN PERDAGANGAN
ZAIHAN BINTI HARON
PPPT DH48

KETUA
JABATAN MATEMATIK, SAINS
& KOMPUTER
HAWA BINTI BENTONG
PPPT DH48 (M)

KETUA
JABATAN PENGAJIAN AM
KOSONG

KETUA
UNIT PENGURUSAN
KUALITI
HJ. RAZALI BIN JOHARI
PPPT DH54 (M)

KETUA
UNIT PENGANTARABANGSAAN
MARINA BINTI ABU BAKAR
PPPT DH52

KETUA
UNIT PENYELIDIKAN,
INOVASI & KOMERSIALAN
DR. ROSNANI BINTI AFFANDI
PPPT DH52 (M)

KETUA CISEC
LIM CHEE HAI
PPPT DH48

KETUA
UNIT PEMBANGUNAN
INSTRUKSIONAL DAN MULTIMEDIA
ABD. RAZAK BIN MD. NOR
PPPT DH48

KETUA
UNIT PEPERIKSAAN
NURHIDAYAH BINTI AZMI
PPPT DH41

KETUA
UNIT KEUSAHAWANAN
MOHD FARIZZAL BIN
DOLLAH MUHAMAD
PPPT DH48

PENGERUSI
JAWATANKUASA
POLYGREEN
M. CHANDRAN A/L MARUTHAN
PPPT DH48 (M)

KETUA
JABATAN SUKAN,
KOKURIKULUM
& KEBUDAYAAN
ABD. HALIM BIN MAHAT
PPPT DH48 (M)

KETUA
UNIT PEMBANGUNAN &
SENGGARAAN
MOHD AZWAN BIN IKHWAT
PPPT DH44

KETUA
JABATAN HAL EHWAL &
PEMBANGUNAN PELAJAR
HAZIRA BINTI SALEH
PPPT DH48

KETUA
UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT
HAIDAR NUR RIFHAN
BINTI BASIR
F44

KETUA
UNIT PERPUSTAKAAN
HADI MOHD NASARUDIN BIN ALI
S44

KETUA
UNIT LATIHAN &
PENDIDIKAN LANJUTAN
MUHAMAD SUBHI BIN ISMAIL
PPPT DH42 (M)

PEGAWAI PSIKOLOGI
DR. NOR WATEE BINTI RAHMAN
S44 (M)

PENOLONG PEGAWAI
TADBIR KANAN
KOSONG



Kementerian Pengajian Tinggi



CARTA ORGANISASI
POLITEKNIK MELAKA



Koleksi Gambar Pengarah

Sekitar Lawatan Kunjung Hormat
& Kolaborasi Strategik



PELAJAR JKE DEKATI KOMUNITI

Oleh: Pn. Ameelia binti Ibrahim

Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) Politeknik Melaka (PMK) mengadakan "Program Pelajar JKE Dekati Komuniti" pada 11 Januari 2020. Aktiviti di dalam dan di luar kelas tidak boleh dipisahkan sama sekali terutama apabila melangkah kaki ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Sejak dibangku sekolah lagi, para pelajar diajar untuk menyeimbangkan diantara kedua-dua aktiviti agar dapat menjadi modal insan yang cemerlang lagi terbilang. Oleh itu, dengan menjalankan aktiviti kesukarelawanan ia boleh menjadi

satu inisiatif kepada warga Diploma Kejuruteraan Elektronik (DJK) PMK untuk meningkatkan semangat kerjasama dikalangan generasi muda khususnya mahasiswa PMK. "Program Pelajar JKE Dekati Komuniti" ini merupakan aktiviti kesukarelawanan yang membantu penduduk setempat membersihkan kawasan persekitaran dan di dalam surau Taman Jati serta menyelenggarakan penyaman udara.

Program seperti ini dapat menyediakan pasukan sukarelawan di kalangan remaja untuk meningkatkan semangat patriotik yang tinggi serta berkemampuan memberikan perkhidmatan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Selain itu, ianya dapat menyediakan pasukan sukarelawan yang berkebolehan dan memberikan perkhidmatan sukarela kepada masyarakat setempat. Malahan ianya dapat melatih pelajar dalam berorganisasi dan memupuk sifat kepimpinan dalam memantapkan jati diri pelajar. Oleh yang demikian, program sebegini amat baik kerana memberi ruang kepada pelajar mendekati masyarakat untuk berkongsi apa jua perkara.





BEKKI PHONE ADAKAN PERKONGSIAN ILMU DENGAN KOMUNITI

Oleh: En. Ahmad Syukri bin Mohamed Yunus



Tengkera, 02 Februari 2020 - Inkubator Saiki HP (BEKKI PHONE), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) Politeknik Melaka (PMK) dengan kerjasama ResQ Devices dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Tengkera telah mengadakan program khidmat komuniti (CSR) atau *Social Innovation (SI) TVET Smart Phone Repair*.

Program yang telah dirasmikan oleh Puan Laila Binti Madon, Pengerusi Kelab Penggerak Wawasan Melaka (KPWM) melibatkan 15 orang peserta dalam komuniti Tengkera merupakan salah satu bentuk *Transfer Knowledge* daripada JKE PMK dan *outreach* politeknik sebagai institusi TVET rujukan dalam komuniti di negeri Melaka.

Program berbentuk *sharing knowledge* ini dikendalikan oleh fasilitator pelajar dari "BEKKI PHONE" dengan bantuan teknikal dari ResQ Devices yang merupakan syarikat dimiliki oleh alumni PMK. Peserta didedahkan pengetahuan asas berkenaan sejarah dan fungsi-fungsi *handphone*, alat diperlukan untuk membaiki, jenis-jenis kerosakan biasa dan cara pembaikan serta praktikal membuat penukaran alat ganti kepada *handphone* tertentu dalam

Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Tn. Haji Ts. Zahidi Bin Zamzuri berkata, program yang melibatkan fasilitator pelajar dari "BEKKI HP" ini merupakan kesinambungan beberapa siri CSR TVET JKE, PMK kepada komuniti bertujuan membentuk sikap bertanggungjawab serta pengembangan kecemerlangan bakat para pelajar bagi meningkatkan kemahiran insaniah mereka di samping mempromosikan sistem politeknik kepada masyarakat sekeliling. Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengerusi MPKK Tengkera, Saudara Ahmadsha bin Mohamed Ishaque yang sudi bekerjasama dengan JKE, PMK dalam menjalankan aktiviti ini.

Inkubator Saiki HP atau dikenali sebagai "BEKKI PHONE" merupakan Inkubator di bawah Unit Keusahawanan PMK, ditubuhkan akhir tahun 2019 bertujuan melatih pelajar menjadi bakal usahawan dalam industri membaiki *handphone* agar mereka mempunyai pilihan kerjaya apabila bergelar graduan nanti.



CODES HIKING 3.0

11 JANUARI 2020, Port Dickson - Commerce Department and Society (CODES) telah menganjurkan program Hiking 3.0 Bukit Batu Putih. Program ini diadakan di Bukit Batu Putih, Negeri Sembilan. Pada jam 6.30 pagi bas akan bergerak daripada perkarangan Politeknik ke Bukit Batu Putih. Tiba di Bukit Batu Putih pada jam 7.30 pagi. Semua peserta yang terlibat adalah terdiri daripada pelajar Jabatan Perdagangan sahaja dan mereka kelihatan begitu bersemangat dalam menyertai program ini.

Setelah selesai sesi pendaftaran, sedikit taklimat ringkas telah diberikan oleh wakil ahli Jawatankuasa (AJK). Kemudian, program diteruskan dengan bermulanya sesi pendakian Bukit Batu Putih ini. Semua peserta telah menunjukkan sikap tolong-menolong antara satu sama lain.

Majlis penutupan Hiking 3.0 Bukit Batu Putih ini diakhiri dengan sepatah dua kata dari En. Jayha selaku Penasihat Exco Sukan CODES.



CODES SEARCH 4 TALENT

18 JANUARI 2020, Cheng - Commerce Department and Society (CODES) telah menganjurkan program Search 4 Talent. Program ini diadakan di Sport Planet Cheng, Melaka dari jam 9.00 pagi sehingga lebih kurang 1.00 petang. Semua peserta yang terlibat adalah sebanyak 6 kumpulan terdiri daripada pelajar Jabatan Perdagangan sahaja dan mereka kelihatan begitu bersemangat dalam menyertai pertandingan ini.

Setelah selesai sesi pendaftaran, taklimat pertandingan telah diberikan. Kemudian, program diteruskan dengan bermulanya perlawanan futsal ini secara liga. Semua kumpulan telah menunjukkan bakat tersendiri dan semua aktiviti yang dirancang telah berjalan dengan baik serta teratur.

Majlis penutupan Search 4 Talent ini diakhiri dengan sepatah dua kata dari En. Jayha selaku Penasihat Exco Sukan. Selain itu, Encik Jayha juga telah membantu dalam sesi peyampalan hadiah kepada para pemenang.





JOM BERSELAWAT 3.0

06 FEBRUARI 2020, Politeknik Melaka - Commerce Department and Society (CODES) telah menganjurkan program Kerohanian iaitu JOM BERSELAWAT 3.0. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai manfaat selawat kepada Nabi Muhammad S.A.W serta membanteras perkataan kesat yang selalu diamalkan oleh pelajar . Program ini melibatkan beberapa buah kelas iaitu DAT2A dan DAT5A.

Program Jom Berselawat 3.0 bermula pada pukul 8.00 pagi sehingga 10.00 pagi dan dijalankan dalam kelas masing-masing bagi kelas yang terlibat. Pesyarah telah memberikan waktu bagi pelajar-pelajar untuk berselawat. Pesyarah dan pelajar berselawat sebelum memulakan sesi pembelajaran.

Malis penutupan JOM BERSELAWAT 3.0 ini diakhiri dengan sepatah dua kata dari AJK bagi setiap kela dan sebanyak 141 button badge telah di berikan kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam program ini. Aktiviti ini berakhir dan sesi pembelajaran dimulakan.



BENGKEL FORENSIK DIRI DAN KEUSAHAWANAN TVET

Oleh : Siti Noorhaida Binti Nordin

Politeknik Melaka, 22 Januari 2020- Unit Keusahawanan, Politeknik Melaka menganjurkan Bengkel Forensik Diri Dan Keusahawanan TVET telah dijalankan di Dewan Serbaguna, Politeknik Melaka yang dihadiri oleh 60 orang peserta dikalangan pelajar-pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Melaka.

Bengkel ini dapat memantapkan pelajar dengan elemen-elemen personaliti sebagai pemimpin, nilai-nilai murni disamping memupuk semangat ingin tahu dan pemikiran bisness dikalangan pelajar kearah mencetus idea-idea konkrit dalam pelaksanaan sesebuah kerjaya. Bengkel ini juga dapat memberi pendedahan kepada pelajar untuk menilai tahap kemampuan dan kebolehan diri dalam bidang keusahawanan.





ENTREPRENEUR TALK

Oleh : Mohd Jazwin Bin Abd Rahman



Politeknik Melaka, 20 dan 21 Januari 2020- "Entrepreneur Talk" yang dianjurkan oleh Unit Keusahawanan, Politeknik Melaka telah berlangsung di Dewan Serbaguna, Politeknik Melaka dan dihadiri seramai 166 orang peserta merupakan sebuah program yang memberi pendedahan kepada para pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) tentang ilmu keusahawanan.

Pendedahan ilmu keusahawanan ini telah diberikan kepada pelajar bagi melengkapkan siswa dengan elemen minda keusahawanan. Langkah ini adalah perlu kerana dapat menjayakan Lonjakan Pertama, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) iaitu bagi menghasilkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Selain daripada itu, sesi perkongsian yang dijalankan boleh memberikan inspirasi kepada pelajar untuk menceburi bidang pemiagaan dan menjadi 'job-creator' bukan hanya terhad kepada 'job-seeker'. Pendedahan daripada peringkat awal telah diberikan agar pelajar bersedia dengan cabaran yang ditempuhi dalam tempoh pembelajaran mahupun pekerjaan kelak.



SESI ENGAGEMENT DAN TEMUDUGA PELAJAR BAGI MAYBANK INTERNSHIP PROGRAMME FOR POLYTECHNIC STUDENTS (1)

Oleh : Nazleena binti Daud

POLITEKNIK MELAKA, 9 - 10 Januari 2020 - Bertempat di Politeknik Melaka (PMK) telah berlangsung satu program anjuran Bahagian Instruksional & Pembelajaran Digital (JPPKK, KPM) dengan kerjasama Unit Perhubungan & Latihan Industri di bawah CISEC dan Jabatan Perdagangan, PMK iaitu Sesi Engagement dan temuduga pelajar bagi Maybank Internship Programme For Polytechnic Students.

Pada 9 Januari 2020, seramai 78 orang pelajar semester 5 Diploma Pengajian Antarabangsa (DPI) dan Diploma Akauntasi (DAT) telah menyertai sesi Engagement yang berlangsung di Dewan Serbaguna PMK. Sesi tersebut telah bermula dari jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang. Sesi taklimat telah diberikan kepada para pelajar dan diikuti dengan aktiviti trading base on case study.

Pada 10 Januari 2020 pula seramai 62 orang pelajar semester 5 DAT dan DPI telah menyertai sesi temuduga oleh Maybank untuk mengikuti sesi latihan Industri semester hadapan. Sesi temuduga telah berlangsung di Dewan Serbaguna PMK bermula dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari.





BENGKEL JD

18 FEBRUARI 2020 – Politeknik Melaka melalui Bahagian Khidmat Pengurusan telah melaksanakan pembangunan Job Description (JD), Kerajaan telah bersetuju agar setiap jawatan yang diwujudkan dalam perkhidmatan awam mempunyai JD melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 4 Tahun 2018 myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam. JD merupakan dokumen yang menjelaskan tujuan pewujudan jawatan dengan mengambil kira komponen akauntabiliti, dimensi dan kompetensi yang diperlukan bagi sesuatu jawatan. Pembangunan JD ini adalah selari dengan Dasar Pengoptimuman Sumber Manusia yang bertujuan untuk memastikan setiap jawatan yang diwujudkan memberi impak maksimum kepada Kerajaan, organisasi dan rakyat.

Urusetia myPortfolio di peringkat Politeknik Melaka telah mengadakan Bengkel Manual Prosedur Jod Description (JD) melalui sistem HRMIS. Bengkel telah di hadiri oleh Penyelaras Myportfolio yang telah dilantik di setiap Jabatan. Bengkel telah diadakan pada 18 Februari 2020 (Selasa) bertempat di Makmal e-Learning, Politeknik Melaka.

Hasil laporan daripada bengkel ini, setiap staf di Politeknik Melaka telah mempunyai JD masing-masing di dalam sistem HRMIS dan telah mencapai KPI dan Perjawatan yang dikehendaki di peringkat Kementerian dan Politeknik Melaka.



MELAKA TRAIL BERSAMA POLMED (EDUTOURISM)



21 Februari 2020, Bandar Melaka- Politeknik Negeri Medan (POLMED) telah mengikuti program Edutourism dari 19-23 Februari dengan penglibatan bersama PNS, PMK, PUO dan PTSB. Seramai 28 orang pelajar dan 8 orang pensyarah POLMED telah menjalani program 'Melaka Trail' selama sehari di Melaka. Politeknik Melaka dengan kerjasama Politeknik Nilai telah mengadakan program ini dengan bantuan 5 orang pelajar fasilitator daripada Kelab Bahasa Inggeris PMK. Fasilitator-fasilitator tersebut telah ditugaskan untuk menerangkan mengenai lokasi-lokasi lawatan yang telah ditetapkan kepada 28 orang pelajar dan 8 orang pensyarah daripada Politeknik Negeri Medan (POLMED). Lawatan bermula di Istana Kesultanan Melaka diikuti dengan A Famosa, Bukit St Paul, Red Square, Jonker Street, Makam Hang Kasturi, Kapal Samudera dan Melaka River Cruise. Pada setiap lokasi, fasilitator menerangkan sedikit sebanyak mengenai sejarah lokasi dan diikuti dengan soalan Pop Quiz Bahasa Inggeris. Pelajar yang boleh menjawab soalan tersebut telah dihadihkan 'key chain Melaka' sebagai cenderahati program.

PELANCARAN FOOD BANK SISWA POLITEKNIK MELAKA

Oleh: Mohd Khairuddin bin Ahmad Khair

MELAKA, 21 FEBRUARI 2020 - Sehingga Disember 2019, seramai 531,567 ahli isi rumah berjaya mendapat manfaat daripada program Food Bank yang dimulakan sejak Ogos 2018.

Secara tidak langsung, program ini juga telah berjaya menyelamatkan sebanyak 2,120 metrik tan lebih makanan. Bagi program Food Bank Siswa pula, sebanyak 12,251 mahasiswa telah mendapat manfaat daripada program ini yang telah dijalankan di 21 buah Universiti Awam tahun lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) YB Saifuddin Nasution melalui Twitter rasmi beliau mengumumkan Politeknik Melaka menjadi politeknik pertama di Malaysia menubuhkan Food Bank Siswa.

Seramai 100 pelajar daripada isi rumah yang memerlukan telah dikenalpasti dan layak menerima bantuan. Sebuah pantri makanan telah disediakan dengan pelbagai stok makanan seperti roti, biskut, makanan tin, bijirin sarapan, minuman dan banyak lagi.

Inisiatif Food Bank Siswa ini bertujuan untuk menyalurkan bantuan makanan kepada mahasiswa yang memerlukan dan pada masa yang sama membantu meringankan beban kos sara hidup yang ditanggung oleh mahasiswa. Program Food Bank Siswa turut mengalu-alukan penglibatan mahasiswa terutamanya persatuan pelajar sebagai penggerak program dengan berkonsepkan "Daripada Mahasiswa kepada Mahasiswa".

Diharapkan Food Bank Siswa Politeknik Melaka akan dapat meringankan beban anak siswa yg memerlukan dan membantu mereka mengejar masa depan yg cerah tanpa perlu bimbang mengenai masalah kelaparan.

Inisiatif ini tidak akan berjaya tanpa sokongan daripada para penyumbang seperti Kilang Makanan Mamee Sdn. Bhd, FAMA Melaka, Econsave Malim, Econsave Batu Berendam, Aeon Bandaraya Melaka, Aeon Ayer Keroh Melaka, TESCO Peringgit Melaka, TESCO Cheng Melaka, GJH Construction Sdn. Bhd, Shanghai Construction Sdn. Bhd, Golden 88 Mini Mart, Family Store Melaka Mall, Kumpulan Legasi Z Sufi Marketing dan Petronas Dagangan Berhad.

Program Food Bank Siswa merupakan inisiatif kolaborasi antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Yayasan Food Bank Malaysia (YFBM), Rakan Strategik, Institut Pengajian Tinggi (IPT), pihak penyumbang dan penggerak sukarelawan pelajar. Kolaborasi ini adalah bagi memastikan pelaksanaan program berjalan dengan lancar dan lebih sistematik. Turut hadir sama, Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam Haji Ahmad, Pengarah Penguatkuasa Dato' Haji Iskandar Halim Sulaiman, Pengarah KPDNHEP Negeri Melaka, Norina Jaafar dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Food Bank, Haji Abd. Wahab Long.

OPS HANTAR PULANG

Oleh: Mohd Khairuddin bin Ahmad Khair

MELAKA, 10 Mei 2020 - Seramai empat puluh tiga (43) pelajar Politeknik Melaka yang terkandas susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 telah memulakan pergerakan pulang ke kampung halaman masing-masing bermula pada 30 April yang lalu. Para pelajar dihantar pulang ke kampung halaman mengikut jadual dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Kepulangan kumpulan pelajar-pelajar ini dilakukan dengan SOP yang telah ditetapkan bagi meminimalkan risiko penularan jangkitan Covid-19. Proses penghantaran pelajar pulang ke kampung dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Pelajar turut diberi makanan dan minuman serta kebajikan pelajar juga dipantau dengan baik. Pihak pengurusan Politeknik Melaka mengutamakan aspek keselamatan dan kebajikan pelajar sepanjang proses penghantaran pulang.

Turut hadir memantau perjalanan pulang ini ialah En Charim bin Ibrahim@Berahim, Pengarah Politeknik Melaka dan Pn Hazira binti Saleh, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pembangunan Pelajar Politeknik Melaka. Ops penghantaran pulang ini dibantu oleh pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Pembangunan Pelajar (JHEPP) sebagai pegawai pengiring pelajar ke kampung halaman.

Terima kasih kepada semua agensi kerajaan seperti Majlis Keselamatan Negara, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bomba dan agensi-agensi lain yang bersama-sama dalam menjayakan Ops Hantar Pulang Pelajar IPT ini serta kepada semua Jawatankuasa Politeknik Melaka yang terlibat sebagai sukarelawan bagi kelancaran program ini.





AKTIVITI EXPLORACE MATEMATIK ANAK-ANAK PERKAMPUNGAN ORANG ASLI BUKIT PAYUNG, TABUH NANING MELAKA

Pada 11 Mac 2020 yang lalu JMSK telah menyertai program Social Innovation TVET& PSH @Kampung Orang Asli Bukit Payung, Taboh Nanning Melaka yang merupakan program khidmat sosial PMK dengan kerjasama ADTEC bersama penduduk Kampung Orang Asli Bukit Payung, Taboh Nanning Melaka.

Objektif program ini adalah untuk merapatkan hubungan di antara institusi pendidikan bersama orang asli serta mempromosikan PMK sebagai institusi pendidikan yang mesra Komuniti. JMSK menyertai program ini dengan memberi sumbangan berbentuk perkongsian pengetahuan kepada komuniti dengan mengadakan aktiviti Explorace Matematik bertempat di Balai Raya Orang Asli, Bukit Payung.

Objektif explorace ini adalah untuk menarik minat anak-anak komuniti ini yang berusia 4 hingga 6 tahun seramai 30 orang agar berminat untuk belajar matematik sambil bermain. Explorace ini diadakan sebanyak 5 stesen antaranya adalah flash card numbering, dot to dot dan maze game.

Aktiviti ini telah dilaksanakan dengan baik oleh para pensyarah JMSK dan para sukarelawan dan anak-anak orang asli kelihatan berminat untuk belajar, ceria dan gembira sepanjang aktiviti dilaksanakan.



PROGRAM SEMAKAN SEMULA PEMBANGUNAN MODUL STEAM ALGEBRA (FASA 1) DI FAKULTI KEJURUTERAAN ALAM BINA (FKAB), UKM



Program semakan semula pembangunan modul STEAM Algebra (Fasa 1) telah dijalankan 10 Mac 2020 di UKM bertujuan untuk berbincang dan menyemak semula hasil penulisan ketiga-tiga modul yang telah dihasilkan setakat ini oleh pensyarah Jabatan Matematik, Sains dan Komputer dengan kerjasama Pemerkasaan Kompetensi Akademik Siswa (PKAS), UKM, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) dalam proses menyiapkan 3 modul algebra yang berkonsepkan makanan, tempat dan permainan tradisional Negeri Melaka. Penghasilan modul ini secara tidak langsung dapat mempromosikan Melaka sebagai negeri yang wajib untuk dilawati.

Untuk program lawatan kali ini, pihak FKAB telah menyemak dan memberi cadangan sekiranya ada penambahbaikan yang perlu dijalankan pada isi kandungan modul.

MELIHAT KEAGUNGAN PENCIPTA MELALUI LAWATAN PENDIDIKAN KE KOMPLEKS FALAK AL-KHAWARIZMI



Melaka, 4 Mac 2020 (Rabu) - Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Melaka telah menganjurkan Lawatan Pendidikan ke Kompleks Falak Al-Khawarizmi pada 4 Mac 2020 bersamaan hari Rabu di Kompleks Falak Al-Khawarizmi, Tanjung Bidara, Melaka. Lawatan ini telah disertai oleh 37 orang pelajar Politeknik Melaka yang mengambil kursus MPU 23052-Sains Teknologi & Kejuruteraan Dalam Islam dengan diiringi oleh 3 orang pensyarah Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am.

Lawatan ini dimulakan dengan ceramah bertajuk 'Ilmu Falak & Kaitannya dengan Ibadah' oleh En. Muhammad Saifullah Bin Dimiyati, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Sahagian Falak, Jabatan Mufti

Negeri Melaka. Melalui ceramah ini, peserta dapat mengetahui tentang cara penentuan arah kiblat untuk solat. Selain itu juga, peserta turut didedahkan dengan cara menentukan masuknya waktu solat berpandukan ilmu falak.

Selesai program ceramah, para peserta berpeluang mendengar taklimat di ruang pameran bintang-bintang dan planet-planet. Akhir sekali, para peserta berpeluang melakukan aktiviti cerapan matahari menggunakan teleskop yang disediakan oleh pihak Kompleks Falak Al-Khawarizmi. Secara keseluruhannya, lawatan ini telah berjalan dengan lancar dan objektif lawatan telah tercapai dengan jayanya. Secara tidak langsung, lawatan ini telah berjaya memberi sedikit-sebanyak pengetahuan kepada para peserta mengenai ilmu falak di samping mendekatkan diri mereka dengan Pencipta Yang Maha Agung.



KARNIVAL SUKAN INDOOR & SUKAN TRADISIONAL PMK

Oleh : Mohd Jazwin Bin Abd Rahman



05 Februari 2020 - Karnival Sukan Indoor & Sukan Tradisional telah dianjurkan oleh Jabatan Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan PMK. Sebanyak 4 Kontingen (Gabungan JKA, Gabungan JKE, Gabungan JKM, Gabungan JP) telah mengambil bahagian didalam 8 acara sukan yang dipertandingkan.

Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Charim Bin Ibrahim, Pengarah PMK dan Johan Keseluruhan telah dimenangi oleh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM).





POLITEKNIK MALAYSIA INTERNATIONAL CHESS CARNIVAL (PMICC)

Oleh : Mohd Jazwin Bin Abd Rahman

8 Mac 2020 – Pada tanggal 7 hingga 8 Mac 2020 telah berlangsungnya program Politeknik Malaysia International Chess Carnival (PMICC) di Dewan Utama JKR CREaTE Alor Gajah Melaka. Program ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Politeknik Melaka (PMK) dengan kerjasama Majlis Sukan Politeknik (MSP) bagi tahun 2020 sebagai usaha untuk memperkenalkan nama Politeknik Malaysia dalam pembudayaan Sukan Catur di Malaysia serta mencungkil bakat pelajar seluruh Politeknik Malaysia. Ini merupakan kesinambungan program sejak tahun 2014. Kejohanan ini juga menjadi platform kepada pelajar politeknik dalam persediaan SUKIPT 2020 akan datang.

Objektif pelaksanaan program ini adalah bertujuan :

- Menggalakkan semangat kesukanan dikalangan rakyat Malaysia.
- Melahirkan pelajar yang cergas dan cerdas dari segi mental dan fizikal.
- Mencungkil bakat baru dikalangan pelajar politeknik.
- Memupuk semangat kesukanan di kalangan pelajar politeknik.
- Outreach bagi Politeknik Malaysia.
- Memperkasa pengantarabangsaaan nama Politeknik Malaysia.

Kejohanan ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 769 penyertaan didalam 5 kategori yang dipertandingkan iaitu kategori Terbuka, kategori Politeknik, kategori Chess 960 (FRC), kategori Sekolah Menengah dan Kategori Sekolah

Rendah dan 10 orang peserta di peringkat antarabangsa turut sama menyertai program ini iaitu dari negara Filipina, Palestine, Yemen, Syria dan Indonesia.

Penganjuran acara sampingan Seminar & Bengkel Pengenalan Asas Sukan Catur juga dilaksanakan bagi memberi pengetahuan kepada peserta 'beginner' dan 'intermediate' iaitu:

- End Game – Intermediate
- Notation Game – Beginner
- ChessMath – Beginner

Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Ts. Haji Muhamad Rumzi Bin Mamat, YDP Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan diiringi oleh Ts. Mohd Ariffin Bin Aman, Timbalan Pengarah Politeknik Melaka serta Ketua-Ketua Jabatan PMK.



PROGRAM WORLD #QURAN HOUR


Program World #QuranHour telah dijalankan pada 13 Mei ini berjalan lancar seperti tahun-tahun lepas walaupun negara masih di dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Program yang diadakan di seluruh negara ini bertujuan membentuk perilaku masyarakat agar amalan mentaddaburkan bacaan Al-Quran diterapkan disamping membentuk akhlak mulia. Intipati program ini adalah pembacaan al-Quran secara beramai-ramai oleh warga PMK sama ada di pejabat atau di rumah masing-masing.

Selain itu, takziah mengenai ayat-ayat Al-Quran juga telah disampaikan secara persidangan video oleh Ustaz Noorkhairan bin Noordin di Bilik Persidangan. Semoga program anjuran Unit Perpustakaan bersama Jabatan Pengajian Am serta Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia ini dapat meningkatkan usaha dalam mendekatkan Al-Quran di kalangan warga PMK terutamanya di bulan Ramadan yang penuh rahmat ini.

#QuranHour
#MalaysiaMembaca



PELAKSANAAN PROJEK BAIKPULIH LANTAI UTM OLEH UPS



KUIZ MENGENAL PERPUSTAKAAN ANDA

Politeknik Melaka – Unit perpustakaan Politeknik Melaka (PMK) telah menganjurkan "Kuiz Mengenal Perpustakaan Anda" pada 17 hingga 28 Februari yang lalu. Objektif utama penganjuran pertandingan ini adalah untuk menguji kemahiran warga PMK terutamanya para pelajar untuk mengesan dan menjawab soalan berkenaan perkhidmatan serta koleksi buku yang terdapat di perpustakaan PMK. Dalam kuiz ini para peserta perlu menggunakan perkhidmatan dan sumber di perpustakaan seperti buku rujukan, internet dan Sistem ILMU untuk menjawab soalan dengan betul. Tiga (3) orang telah dipilih menjadi pemenang kerana berjaya menjawab kuiz serta memberikan slogan terbaik. Penganjuran aktiviti seperti adalah diharapkan supaya para pelajar terutamanya serta warga PMK dapat menggunakan perkhidmatan di perpustakaan dengan baik serta menajamkan pengetahuan mereka dalam menimba ilmu. #MalaysiaMembaca



